

Headline	TNB perluas capaian internet di Melaka		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Apr 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	36
ArticleSize	395 cm ²	Journalist	Shahrizan Salian
PR Value	RM 39,240		



TNB perluas capaian internet di Melaka

Infrastruktur gentian optik hubungkan lebih 17,000 kediaman

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@mediaprima.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Allo Technology Sdn Bhd (Allo) melengkapkan pembinaan infrastruktur gentian optik yang menghubungkan lebih 17,000 kediaman di Melaka bagi menyokong Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Dengan tersedianya infrastruktur gentian optik ini, Allo sebagai penyedia akses terbuka berjaya meluaskan potensi capaian internet jalur lebar berke-

lajuan (HSBB) sehingga 1Gbps di Melaka yang kini disediakan pembekal perkhidmatan runcit (RSP) Maxis, Astro, Digi dan Celcom.

Terbaru, kawasan yang mendapat faedah infrastruktur berkenaan ialah Alor Gajah (8,500 kediaman), Malim Jaya (4,400 kediaman), Ayer Keroh (500 kediaman) dan sekitar Jasin (2,500 kediaman).

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata penyempurnaan prasarana berkenaan susulan projek rintis HSBB yang siap dalam tempoh kurang tiga bulan bermula Januari 2019 menghubungkan 1,100 kediaman di Taman Maju, Taman Merbau Perdana dan FELDA Kemendor.

“Penyediaan infrastruktur HSBB ini secara tidak langsung menggambarkan sokongan TNB dalam merapatkan jurang digital di kawasan bandar dan luar bandar.”

“Melalui Allo, TNB menawarkan perkhidmatan segmen ini

dalam bentuk lebih pantas lagi diyakini,” katanya.

Beliau berucap pada majlis pelancaran perasmian rangkaian infrastruktur jalur lebar peringkat negeri Melaka bagi menyokong JENDELA yang disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Dr Sulaiman Md Ali di Melaka, semalam.

Yang turut hadir: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din.

Mahdzir berkata, kemudahan infrastruktur gentian optik ini membuka peluang kepada lebih ramai penduduk Melaka untuk mendapat akses kepada internet jalur lebar pada harga berpatutan, seterusnya capaian kepada pelbagai sumber maklumat, selain pendidikan dalam talian.

Ia menyokong hasrat kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi pemerikasaan dalam bidang ekonomi digital, lebih-lebih lagi ketika keadaan ekonomi mencabar akibat COVID-19.

“Pembabitan TNB untuk men-



Sulaiman (dua dari kanan) diiringi Mahdzir (kiri) melancarkan rangkaian infrastruktur jalur lebar di Melaka, semalam. (Foto BERNAMA)

jayakan Dasar Digital Negara adalah sesuai dengan peranan TNB selama ini sebagai Penggerak Kemajuan Negara dan kini peranan itu diperkukuhkan lagi bagi menangani cabaran Ekonomi Digital serta Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0),” katanya.

Dengan memanfaatkan rangkaian gentian optik sepanjang 18,000 kilometer yang melalui pencawang elektrik milik TNB di Semenanjung, Allo berjaya

menghubungkan 60,000 kediaman dengan rangkaian gentian optik di Melaka, Perak dan Kedah.

TNB menerusi Allo mengorak langkah bagi melebarkan sayap perkhidmatan jalur lebar di empat negeri lain, iaitu Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan selain meluaskan capaian di Perak dan Kedah dengan sasaran capaian 150,000 kediaman yang dijangka selesai pertengahan tahun ini.